



# AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

## Bilangan 5 Tahun 2014

### **KETETAPAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN ATAU CUTI HAJI BAGI PEMEGANG BIASISWA STAF DAN TENAGA PENGAJAR MUDA (TPM) SEMASA DALAM TEMPOH CUTI BELAJAR/PENGAJIAN**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan ketetapan menggunakan kemudahan Cuti Bersalin atau Cuti Haji Bagi Pemegang Biasiswa Staf Dan Tenaga Pengajar Muda (TPM) Semasa Dalam tempoh Cuti Belajar/pengajian yang diluluskan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) dalam Mesyuarat ke-272 pada 25.02.2014 telah membuat keputusan mengenai ketetapan kemudahan Cuti Bersalin atau Cuti Haji semasa dalam tempoh pengajian bagi Pemegang Biasiswa Staf dan Tenaga Pengajar Muda (TPM).
3. Sebelum ini Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) ke 240 (Khas) pada 14.03.2011 bersetuju menerimapakai dasar pemberian kemudahan semasa dalam tempoh pengajian seperti berikut:
  - i. Cuti bersalin selama tempoh 60 hari maksima pada setiap permohonan mengikut kelayakan;
  - ii. Cuti haji selama 40 hari; dan
  - iii. Permohonan adalah pada tahun semasa sahaja.

Pekeliling ini menjelaskan keputusan Jawatankuasa bagi Staf dan Tenaga Pengajar Muda yang bersalin atau mengerjakan haji dalam tempoh pengajian/cuti belajar yang telah diluluskan dan ianya terpakai bagi peringkat pengajian Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD).

#### TUJUAN PELAKSANAAN

4. Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pemegang biasiswa hendaklah mengambil maklum berkenaan ketetapan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) berkenaan perkara di atas :

Bil.	Perkara	Keputusan	Tindakan Pemegang Biasiswa
i.	Bersalin semasa dalam pengajian	Penggunaan Cuti Bersalin 60 hari seperti yang diputuskan dalam mesyuarat JKLPS(I) ke240 (Khas) adalah tidak berbangkit berdasarkan prinsip bahawa kemudahan cuti tidak boleh digunakan secara serentak. Pemegang biasiswa tidak boleh menggunakan kemudahan Cuti Bersalin dalam tempoh Cuti Belajar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang biasiswa (staf sahaja) dikehendaki mengemukakan salinan sijil kelahiran anak ke Bahagian Saraan dan Perkhidmatan bagi mengemaskini maklumat anak bagi mendapatkan kemudahan rawatan di klinik panel UiTM dan sesalinan pemakluman kepada Bahagian Biasiswa (sila kemukakan perakuan bersalin dan sijil kelahiran anak)</li> </ul>
ii.	Mengerjakan Haji semasa dalam pengajian	<p>Tiada pelarasan atas sebab mengerjakan haji bagi staf atau TPM</p> <p>Pemegang biasiswa dianggap tidak pernah menggunakan kemudahan Cuti Haji dalam tempoh Cuti Belajar</p> <p>Penggunaan Cuti Haji</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang biasiswa (staf sahaja) boleh mengerjakan haji dan mesti mematuhi urusan cuti rehat ke luar negara dengan Canseleri</li> <li>Memaklumkan kepada Bahagian Biasiswa (untuk pemakluman keberadaan)</li> </ul>

Bil.	Perkara	Keputusan	Tindakan Pemegang Biasiswa
		selama 40 hari seperti yang diputuskan dalam mesyuarat JKLPS(I) ke240 (Khas) adalah tidak berbangkit berdasarkan prinsip bahawa kemudahan cuti tidak boleh digunakan secara serentak. Pemegang biasiswa tidak boleh menggunakan kemudahan Cuti Haji dalam tempoh Cuti Belajar.	(sila kemukakan surat tawaran mengerjakan haji untuk rujukan)

5. Ketetapan ini, juga digunakan oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) sebagai dokumen rujukan dalam menguruskan hal ehwal berkaitan pemakluman bersalin dalam pengajian atau mengerjakan haji semasa dalam pengajian.

6. Oleh yang demikian, sekiranya pemegang biasiswa bersalin atau mengerjakan haji dalam tempoh cuti belajar/pengajian yang diluluskan maka tiada pelarasan tempoh dibuat.

#### **PEMBATALAN**

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka keputusan Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) ke 240 (Khas) pada 14.03.2011 bagi Ketetapan Cuti Bersalin dan Cuti Haji Dalam Tempoh Pengajian Bagi Pemegang Biasiswa Staf UiTM adalah terbatal.

## **TARIKH DIKELUARKAN**

8. Pekeliling dikeluarkan pada 2 April 2014.

## **TARIKH KUATKUASA**

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 25 Februari 2014.

## **PEMAKAIAN**

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Pemegang Biasiswa Staf dan Tenaga Pengajar Muda (TPM).



**PROF. DR AZNI ZAIN AHMED**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-BPD(JPbSM.64)  
No Siri : 100-HEA (6/4)*